

# **BAB EMPAT**

**4**

## BAB 4

### KESENIAN MELAYU TRADISIONAL MENURUT PERSPEKTIF ISLAM

#### 4.1 Pendahuluan

Islam tidak pernah menentang seni yang murni, malah ia sentiasa memandang tinggi kepada hasil-hasil seni yang meluhurkan perasaan dan jiwa manusia. Apa yang ditentang oleh Islam ialah seni yang menimbulkan kerendahan budi atau membawa manusia ke arah keseronokan nafsu semata-mata.

Ukuran baik buruk sebuah hasil seni menurut Islam adalah bergantung kepada motif seniman dan kesan-kesan yang dicetus oleh sesebuah hasil karya kepada para penilainya. Jika motifnya murni dan kesan karyanya juga murni, ia adalah petanda bahawa ciptaan seninya tergolong dalam ragam seni yang baik dan bernilai tinggi. Sebaliknya jika motifnya jahat dan kesan karyanya juga mendatangkan keburukan, itulah ukuran bahawa hasil seninya terjumblah dalam ragam seni yang buruk dan tidak berguna. Seni memancarkan pengaruhnya yang kuat kepada hati dan kehidupan manusia.

Kesan dari sebuah karya yang baik boleh meluhurkan perasaan manusia di samping mempertajamkan kesedaran dan keinsafannya. Demikian juga kesan dari karya yang buruk akan menyebabkan keruntuhan moral manusia dan mengugat kesejahteraan jiwa.

Penciptaan seni di dalam Islam haruslah didasarkan kepada realiti Islamiah iaitu mengambarkan alam dan seluruh aspek hidup manusia dalam bentuk yang murni serta realistik. Persembahan dalam bentuk yang keterlaluan serta jauh dari nilai-nilai kehidupan yang sebenar serta menggalakkan kepada kemungkaran dan jauh dari kenyataan hidup yang sebenar adalah dilarang dan ditegah di dalam Islam.

Agama dan seni mempunyai pertalian yang rapat . Fungsi seni ialah mencari keindahan yang mengusik perasaan manusia, sedangkan fungsi agama ialah mencari kebenaran yang mententeramkan jiwa manusia. Apabila seni membawa manusia ke peringkat keindahan, ia akan bertemu dengan keindahan yang akan diperjuangkan oleh agama. Kerana itu seni harus digunakan bagi menggambarkan menafsirkan seluruh keindahan. Sama ada ia keindahan budi bicara, keindahan alam bumi atau keindahan alam dan emosi serta nilai-nilai rukun hidup yang luhur.

## 4.2 Islam dan Seni

Islam merupakan sebuah agama yang lengkap dan sesuai untuk digunakan pada sepanjang zaman.<sup>114</sup> Ajaran Islam turut meliputi bidang ekonomi, sosial, kebudayaan ( kesenian ) dan lain-lain lagi.

Di dalam bidang kebudayaan, Islam telah menggariskan beberapa ciri kebudayaan yang dibenarkan. Dengan itu terdapat kebudayaan yang tersendiri di dalam Islam. Islam tidak pernah melarang umatnya daripada bergiatan di dalam bidang kebudayaan, tetapi ia hendaklah bersih dan terhindar daripada perkara-perkara yang boleh melalaikan daripada mengingati Allah.<sup>114</sup>

Sesetengah ulama' menolak untuk menghubung kaitkan seni dengan agama Islam. Ini disebabkan oleh pandangan dan penilaian mereka yang terlalu berhati-hati tentang sesuatu yang menyentuh soal-soal agama. Pandangan dan penentuan yang dibuat oleh mereka adalah benar. Ini disebabkan oleh pengertian agama itu sendiri yang merupakan tata hubungan manusia dengan Tuhan. Dalam melaksanakan ibadat kepada Allah, kesenian tidak diperlukan untuk memperdekatkan diri kepadaNya. (shalat misalnya tidak boleh diiringi oleh muzik )<sup>115</sup>

---

<sup>114</sup> Drs. Sidi Gazalba (1977), *Pandangan Islam Tentang Kesenian*, Pustaka Antara, cet. 1, hal. 50  
<sup>115</sup> Ibid.

Timbulnya karya-karya seni adalah disebabkan oleh kesan agama terhadap kebudayaan. Mengalunkan azan dalam bentuk yang indah adalah untuk menarik orang ramai supaya datang ke masjid. Begitu juga membaca al-Quran dengan suara yang merdu. Tujuannya adalah untuk menimbulkan penghayatan kepada intisari yang terkandung di dalam al-Quran. Tuhan yang Maha Esa tidak memerlukan kepada sesuatu pun.<sup>116</sup>

#### 4.2.1 Kesenian Islam

Sejarah telah membuktikan bahawa tamadun Islam telah memberi sumbangan yang besar kepada bidang seni. Kesan-kesannya masih boleh dilihat sehingga kini. Malah pusaka-pusaka peninggalan Islam inilah yang telah menjadi asas perkembangan kesenian di dunia Barat yang berlanjutan sehingga ke zaman sekarang.

Seni suara Islam telah bermula dari bacaan Al-Quran dan dari gelombang suara azan. Seterusnya ia telah berkembang kepada kesenian-kesenian suara yang lain. Muzik yang beraneka ragam telah dicipta kesan yang diperolehi daripada pencetus yang pertama itu.<sup>117</sup> Sejarah telah membuktikan umat Islam di zaman kegemilangan mereka telah memberi sumbangan yang besar kepada kemajuan muzik umat manusia.

---

<sup>116</sup> Ibid. Hal. 51

<sup>117</sup> Yusuf Zaky Yaakob (1977), *Peranan Seniman Islam*, DIAN, hal. 116

Sumbangan yang telah diberikan oleh tamadun Islam telah meliputi banyak bidang di dalam muzik seperti rekaan not-not<sup>118</sup> atau tulisan-tulisan muzik kepada penciptaan alat-alat muzik dan buku-buku yang memperkatakan kaedah muzik, sejarah muzik dan sebagainya.

3

Dalam masyarakat moden yang serba mencabar, pelbagai aneka seni berkembang begitu pesat dan bebas sehingga menyeleweng jauh dari fungsi-fungsinya yang murni. Keadaan bertambah rumit apabila pengaruh seni di dalam masyarakat moden begitu hebat mempengaruhi kehidupan manusia. Perkembangan seni pada masa sekarang ini adalah dipengaruhi oleh motif tamadun Barat yang terlalu memuja kebendaan dan keseronokan hidup.

Kegiatan seni di zaman ini banyak membangkitkan keseronokan dan kepuasan naluri manusia. Hal ini dapat dilihat dengan jelas pada hasil-hasil kegiatan seni yang menggambarkan aspek anti moral dan agama.

Akibat daripada perkembangan dan pengaruh kesenian yang menyimpang daripada Islam, umat Islam pada masa sekarang ini telah diracuni dan diselewengkan dari matlamat hidup yang sebenar. Ramai di kalangan kaum belia Islam yang telah dihanyuti oleh gelombang kesenian tersebut. Ini menyebabkan mereka tidak lagi mempunyai matlamat hidup yang lebih tinggi kecuali hanya mencari keseronokan dan kepuasan nafsu semata-mata.

---

<sup>118</sup> Gelombang Irama

Cabaran inilah yang sedang melanda umat Islam pada masa sekarang. Oleh yang demikian satu langkah tegas perlu diambil bagi membendung gejala yang tidak sihat ini daripada terus berkembang dan melalaikan kaum muda dan mudi. Para seniman Islam perlu maju ke tengah bagi memperjelaskan konsep kesenian Islam yang sebenar.

Dalam melancarkan gerakan reformasi seni ini para ulama dan intelek Islam harus mempunyai kesanggupan untuk membuat keputusan-keputusan yang tegas di dalam satu-satu perkara. Persoalan-persoalan khilafiah mengenai beberapa aspek seni suara, seni muzik dan seni tari perlu diperjelaskan supaya masyarakat tidak menjadi keliru antara kesenian yang bercirikan Islam dan kesenian yang boleh menjerumuskan seseorang ke lembah maksiat.<sup>119</sup>

---

<sup>119</sup> Yusuff Zaky Yaacob, op. cit. hal 117

#### **4.3 Kesenian dalam Sejarah Islam**

Pada umumnya orang-orang Arab mempunyai bakat dalam bidang muzik sehingga seni suara telah menjadi suatu keharusan bagi mereka semenjak dari zaman jahiliyah lagi. Di Hijaz terdapat orang yang menggunakan muzik yang dinamakan iqa ( irama yang berasal daripada bunyi gendang, berbentuk rithm ). Mereka menggunakan berbagai jenis alat muzik seperti seruling, rebana, gambus, tambur, dan lain-lain lagi.<sup>120</sup>

Setelah bangsa Arab memeluk agama Islam, bakat muziknya telah berkembang dengan mendapat jiwa dan semangat baru. Pada masa Rasulullah masih hidup iaitu ketika Hijaz menjadi pusat politik, perkembangan muzik tidak terbantut. Hal ini banyak dijelaskan di dalam buku-buku hadis yang mengandungi nash-nash yang yang membolehkan seseorang menyanyi, menari dan bermain alat-alat muzik. Tetapi ia hanya dibolehkan pada waktu dan ketika yang tertentu sahaja seperti pada majlis perkahwinan, berkhitan, ketika menyambut tetamu yang datang, memuji-muji orang yang mati syahid dalam peperangan, menyambut hari raya dan lain-lain lagi.<sup>121</sup>

---

<sup>120</sup> Abdurrahman Al Baghdadi, op. cit. hal. 15  
<sup>121</sup> Ibid.

Terdapat hadis yang menunjukkan bahawa Nabi s.a.w tidak melarang berseronok atau berhibur, tetapi ia hendaklah dengan batas-batas yang tertentu. Antaranya ialah hadis riwayat Bukhari dan Muslim daripada Aisyah r.a.:<sup>122</sup>

عن عائشة قالت دخل علي رسول الله صلى الله عليه وسلم وعندي جاريتان تغنيني بغناه بعاث ، فاضطجع على الفراش وحول وجهه . ودخل أبو بكر فانتهرنى وقال: مزمارة الشيطان عند النبي صلى الله عليه وسلم فاقبل عليه رسول الله صلى الله عليه وسلم فقال : دعهما. فلما غفل غمرتها فخر جنا

Maksudnya: “Pada suatu hari Rasulullah telah masuk ke tempatku. Disampingku terdapat dua budak perempuan yang mendendangkan nyanyian tentang hari Buats”<sup>123</sup> ( di dalam riwayat Muslim ditambah dengan menggunakan rebana). (Aku lihat ) Rasulullah s.a.w. berbaring tetapi dengan memalingkan mukanya. Pada saat itu Abu Bakar telah masuk dan dia telah marah kepadaku. Katanya “Di tempat Nabi ada seruling Syaitan?” Mendengar seruan itu, Nabi lalu memalingkan mukanya kepada Abu Bakar sambil berkata, “Biarkanlah keduanya, wahai Abu Bakar”! Apabila Abu Bakar tidak lagi melihat, lalu saya suruh kedua budak perempuan itu keluar. Waktu itu adalah hari raya di mana orang-orang Sudan sedang ( menari ) bermain alat-alat penangkis dan senjata perangnya ( di dalam masjid ) …”

<sup>122</sup> Sahih Bukhari, hadis no. 949, 925 dan Sahih Muslim hadis no. 829

<sup>123</sup> Buat's adalah nama satu benteng untuk puak Aus yang jaraknya kira-kira dua hari perjalanan dari Madinah. Di sana telah berlaku perperangan yang dahsyat antara puak Aus dan Khazraj tepat 3 tahun sebelum hijrah

Dalam riwayat yang lain Imam Bukhari menambah lafaz: <sup>124</sup>

يَا أَبَا بَكْرٍ إِنَّ لُكْلَ قَوْمٍ عِيدًا وَهَذَا عِيدُنَا

Maksudnya “Wahai Abu Bakar, setiap bangsa mempunyai hari raya. Sekarang ini adalah hari raya kita ( umat Islam ).”

Manakala hadis yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Ahmad daripada Aisyah r.a. <sup>125</sup>:

انها زفت امرأة الى رجل من الانصار , فقال النبي صلى الله عليه وسلم: يا عاشرة ما كان معكم من لهو , فلن الانصار يعجبهم الهو

Maksudnya: Bahawa dia pernah menikahkan seorang perempuan dengan seorang lelaki dari kalangan Anshar. Maka Nabi s.a.w. bersabda: “Wahai Aisyah, tidak adakah padamu hiburan ( nyanyian ) kerana sesungguhnya orang-orang Anshar senang dengan hiburan ( nyanyian )”

---

<sup>124</sup> Sahih Bukhari Hadits no. 949 dan 952

<sup>125</sup> Sahih Bukhari Hadis no. 5162, Lihat juga As Syaukani, *Nail al-Autar*, jilid VI, hal 187

Terdapat juga hadis yang diriwayatkan oleh Imam Ahmad berbunyi:<sup>126</sup>

لَوْ بَعْثَمْتُ مَعَهَا مِنْ يَغْنِيهِمْ وَيَقُولُ : أَتَيْنَاكُمْ أَتَيْنَاكُمْ فَحَيْوَنَا نَحْيِيكُمْ ، فَإِنَّ الْأَنْصَارَ قَوْمٌ فِيهِمْ غُزلٌ

Maksudnya: “Bagaimakah kalau diikuti pengantin itu oleh wanita-wanita untuk menyanyi sambil berkata: Kami datang kepadamu. Hormatilah kami dan kami pun menghormati kamu. Sesungguhnya Kaum Ansar suka menyanyikan lagu.”

Abdul Hay Al Kattani telah mencatat nama-nama penyanyi wanita di masa Rasulullah. Mereka biasanya menyanyi di ruangan tertutup ( rumah ) di kalangan kaum wanita sahaja pada pesta perkahwinan dan sebagainya. Di antaranya ada yang bernama Hamamah dan A’rnab.<sup>127</sup>

Golongan lelaki pada masa Rasulullah dan selepasnya ( sahabat ) sering memanggil penyanyi budak ( jawari ) ke rumah mereka jika ada pesta perkahwinan. Seorang tabi’en pernah meriwayatkan tentang apa yang terjadi dalam satu pesta perkahwinan. Ia berkata:<sup>128</sup>

<sup>126</sup> As Syaukani, op. cit. hal. 187

<sup>127</sup> Abdul Rahman Al-Baghdadi, op. cit. hal. 17

<sup>128</sup> Al Hafiz Jalaluddin As Syuyuti (tt), *Sunan An-Nasa’i*, Dar Al-Rayyan litturas, tt, jilid VI, hal. 135

Maksudnya: “Tanda pemisah ( pembeza ) antara yang halal dengan yang haram (dalam perkahwinan ) adalah ( mengumumkannya dengan ) memainkan rebana dan menyanyi.”

#### 4.4 Pandangan Ulama’ Islam Tentang Seni

Ulama Islam mempunyai pandangan yang berbeza-beza di dalam menentukan hukum yang berkaitan dengan muzik. Mereka mempunyai alasan-alasan dan dalil-dalil yang tersendiri di dalam menyokong pendapat yang dikemukakan itu.

Di dalam kitab *Nail al-Autar* yang dikarang oleh Imam As-Syaukani, beliau telah menyatakan pendapat-pendapat para ulama’ sebagai berikut:<sup>130</sup>

- 1- Para Ulama berselisih pendapat tentang hukum menyanyi dan bermain alat muzik. Menurut Jumhur Ulama adalah haram. Sedangkan mazhab Ahlul Madinah, Az Zhohiriyyah dan Jamaah as-Sufiyyah memperbolehkannya.
- 2- Abu Mansur Al Baghdadi ( mazhab As Syafi’e menyatakan ‘Abdullah bin Jaafar’ berpendapat menyanyi dan bermain muzik itu adalah dibolehkan. Dia sendiri pernah mencipta sebuah lagu untuk dinyanyikan oleh para pelayan wanita ( jawari ) dengan alat muzik seperti rebab. Hal ini berlaku pada masa pemerintahan Amirul Mukminin Ali bin Abi Talib r.a.

<sup>130</sup> Muhammad bin Ali bin Muhammad As Syaukani,(tt) *Nail al-Autar*, Maktabah Dar at Turas, Jilid VIII, hal. 100-103

3- Imam Al Haramain di dalam kitabnya An Nihayah mencatatkan bahawa Abdullah bin Az Zubair memiliki beberapa jariah ( pelayan wanita ) yang biasa bermain alat gembus. Pada suatu hari Ibn Umar telah datang dan melihat gembus itu berada di sampingnya. Lalu Ibn Umar bertanya: Apakah ini wahai sahabat Rasulullah? Setelah diamatinya sejenak, beliau berkata sambil mengejek: "barang kali ini timbangan buatan Negeri Syam". Lalu Ibn Zubair menjawab: "Ia digunakan untuk menimbang akal manusia".

4- Ar-Ruyani meriwayatkan daripada Al-Qaffal bahawa mazhab Maliki membolehkan menyanyi dengan ma'azif (alat-alat muzik yang berdawai).

5- Abu Al-Fadhl bin Thahir mengatakan "Tidak ada perselisihan di antara ahli Madinah tentang menggunakan alat gembus. Mereka berpendapat ia boleh digunakan."

6- Ibn An-Nawawi di dalam kitabnya Al Umdah mengatakan bahawa antara sahabat Rasulullah yang membolehkan menyanyi dan mendengar nyanyian ialah Umar bin Al Khattab, Usman bin Al Affan, Abdurrahman bin Auf, Saad bin Abi Waqas dan lain-lain lagi.

Sementara itu, Abu Ishak As Syirazi dalam kitabnya ‘Al Muhazzab’ berpendapat:<sup>131</sup>

- a- Diharam menggunakan alat-alat permainan dan alat-alat muzik yang membangkitkan hawa nafsu seperti gembus, tambur ( lute ), mi’zah ( piano ), drum dan seruling.
- b- Dibolehkan bermain muzik hanya pada dua jenis perayaan iaitu pada pesta perkahwinan dan berkhitian. Selain daripada itu ia tidak dibenarkan.
- c- Dibolehkan juga menyanyi untuk mempercepatkan unta berjalan.

Manakala Abdul Rahman Al-Jaziri di dalam kitabnya ‘Al Fikh Ala Mazahibi al Arba’a’ telah menjelaskan tentang soal-soal yang menyentuh mengenai nyanyian dan muzik seperti berikut:<sup>132</sup>

- 1- Ulama’-ulama’ Syafi’iyah seperti yang telah diterangkan oleh Al-Ghazali di dalam kitabnya ‘Ihya Ulumuddin’ menjelaskan: “nash-nash syara’ telah menunjukkan bahawa menyanyi, menari, memukul rebana sambil bermain dengan perisai dan senjata-senjata perang pada hari raya adalah mubah

<sup>131</sup> Abu Ishak As Syirazi, *Al Muhazzab*, jilid II, hal. 237

<sup>132</sup> Abdul Rahman Al Jaziri (1987) *Al Fikh ala Mazahibi al Arba'a*, Dar ar Rayyan litturas, Juzu' II, cet. 1, hal. 42-45

(boleh) sebab hari seperti itu adalah hari untuk bergembira. Ia dibolehkan juga pada hari-hari perayaan lain yang dibolehkan oleh syara'.

2- Pendapat Imam Syafi'e yang mengatakan bahawa sepanjang pengetahuannya tidak ada seorang pun daripada kalangan ulama' Hijaz yang benci mendengar nyanyian dan bunyi-bunyian alat muzik, kecuali jika di dalamnya mengandungi hal-hal yang tidak baik.

3- Para ulama' Hanafiyah mengatakan bahawa nyanyian yang diharamkan itu, adalah nyanyian yang mengandungi kata-kata yang tidak baik ( tidak sopan ), seperti menyebut sifat-sifat jejaka ( lelaki bujang dan perempuan dara), atau sifat-sifat wanita yang masih hidup. Sementara itu, nyanyian yang memuji keindahan bunga, air terjun, gunung-ganang atau pemandangan alam adalah dibenarkan.

4- Para ulama' Malikiyah berpendapat, alat-alat permainan yang digunakan untuk memeriahkan pesta perkahwinan adalah dibenarkan. Alat-alat tersebut seperti gendang, rebana yang tidak memakai genta, seruling dan terompet.

5- Manakala para ulama' Hanbaliyah pula berpendapat, tidak boleh menggunakan alat-alat muzik seperti gambus, seruling, gendang, rebana dan yang serupa dengannya. Hukum bagi nyanyian dan lagu pula, ia adalah dibenarkan.

perhiasannya. Oleh kerana itu, mendengar suara wanita tidaklah haram sebab ianya bukan aurat. Walaupun begitu ia adalah haram apabila disertai dengan suara yang manja, merayu atau keluhan yang dapat menimbulkan ghairah dan mencetuskan perbuatan yang berdosa. Hal ini adalah berdasarkan kepada firman Allah s.w.t.:

ن

يَنْسَاءُ النَّبِيِّ لَسْتُ كَأَحَدٍ مِّنَ النِّسَاءِ إِنْ اتَّقَيْتُنَّ فَلَا تَخْضُعْنَ بِا لِقَوْلِ فِي طَمْعِ الدُّنْيَا فِي قُلُوبِهِ مَرْضٌ

وَقُلْنَ قُولًا مَعْرُوفًا

Maksudnya: "Hai isteri-isteri Nabi! Kamu sekalian tidaklah seperti wanita yang lain, jika kamu bertakwa. Maka janganlah kamu tunduk ( berbicara dengan manja, merayu dan sebagainya ) dalam berbicara sehingga berkeinginanlah orang yang ada penyakit di dalam hatinya ( menimbulkan ghairah ), dan ucaplah perkataan yang baik."

Surah Al-Ahzab (33) 32

Larangan di dalam surah al-Ahzab itu bukan sahaja dikhususkan kepada golongan yang tertentu (isteri-isteri Nabi) tetapi ia juga kepada seluruh kaum muslimat. Mereka digesa supaya sentiasa menjaga tingkah laku daripada perbuatan dan kelakuan yang boleh menimbulkan fitnah. Dengan yang demikian jelaslah bahawa syara' tidak menghalang sesuatu perkara sehingga ia boleh mendatangkan mudharat atau fitnah.

#### **4.5 Kesenian Melayu Tradisional Menurut Perspektif Islam**

Di dalam kajian yang dilakukan ini, kesenian yang terdapat di dalam hiburan yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional akan dinilai mengikut perspektif Islam melalui 3 bahagian. Bahagian-bahagian itu ialah dari segi tarian, suara (nyanyian) dan muzik (bunyi-bunyian). Bagi kesenian tarian pulai dan ulit mayang ia akan dinilai daripada tiga bahagian yang telah dinyatakan. Manakala bagi kesenian nobat pula penilaian hanya dibuat berdasarkan kepada nyanyian dan muzik yang digunakan.

Ketiga-tiga bahagian tersebut akan dibincangkan mengikut pandangan Islam dengan menilai dan mengira perbuatan-perbuatan yang dilakukan semasa persembahan kesenian tersebut dijalankan. Kesan-kesan yang timbul daripada kesenian yang diamalkan juga akan turut dibangkitkan. Perbincangan yang akan dilakukan oleh penulis akan mengira aspek-aspek yang timbul sama ada dari sudut positif ataupun negatif (baik dan buruk).

Di dalam membincangkan kesenian masyarakat Melayu tradisional, penulis akan mencungkil dan mengenal pasti masalah-masalah yang seringkali menimbulkan kekeliruan di kalangan orang ramai. Penetapan hukum ke atas perkara-perkara yang dibincangkan akan dilakukan oleh penulis berdasarkan kepada penerangan di dalam bab-bab yang terdahulu dan setelah mengambil kira pendapat para ulama'.

Selain itu beberapa kaedah akan digunakan di dalam penetapan hukum yang dibuat itu. Penetapan yang telah dilakukan oleh para ulama' mengenai sesuatu perkara yang bercampur antara yang halal dengan yang haram akan dimasukkan ke dalam kajian yang dilakukan ini. Kaedah tersebut ialah ‘Jika halal dan haram berkumpul, maka yang haram dimenangkan’.<sup>133</sup>

Di samping itu kaedah lain yang akan digunakan ialah ‘Asal bagi segala sesuatu adalah boleh, hingga ada dalil yang menunjukkan keharamannya’.<sup>134</sup> Kaedah tersebut merupakan satu kaedah yang penting dalam menjatuhkan hukum ke atas sesuatu masalah dalam kajian yang dilakukan ini.

---

<sup>133</sup> Imam Jalaluddin Abdul Rahman As-Suyuti (2000), *Kaedah-kaedah hukum Islam Mazhab Syafi'e, judul asal 'Ashabul Nadhair fi Qawaaid al-Fikhiyyah'* terj. Hj. Mardhiya Mukhtar, cet. ke 2, , Penerbitan Darul Iman, hal. 230

Ibid. hal. 127 - 128

#### **4.5.1 Hukum Tarian**

##### **i- Pendahuluan**

Tarian merupakan sejenis kesenian tradisional yang dilakukan dengan menggerakkan tubuh secara berirama yang diiringi dengan muzik. Semenjak diperkenalkan, seni tari telah memainkan peranan yang penting di dalam upacara-upacara kesenian yang diamalkan.

Tarian yang terdapat di kalangan orang-orang Melayu tradisional seringkali dikaitkan dengan sesuatu kepercayaan. Ia bukan hanya sekadar tarian yang dilakukan sebagai hiburan, tetapi ia mengandungi falsafah dan nilai-nilai kehidupan yang mendalam.

##### **ii- Seni Tari dalam Islam**

Dalam sejarah umat Islam, terdapat perbezaan pendapat di antara yang membolehkannya dengan mereka yang membantah kegiatan seni tari. Seni tari pada permulaan Islam berbentuk sederhana dan ia hanya dikaitkan oleh orang-orang yang datang dari luar Jazirah Arab seperti orang Sudan, Ethiopia dan lain-lain lagi. Tarian biasanya dilakukan pada hari-hari kebesaran seperti pada hari-hari raya.<sup>135</sup>

---

<sup>135</sup> Abdul Rahman Al Baghdadi, op. cit. hal. 86.

Salah satu contoh daripada tarian yang dilakukan pada masa Rasulullah s.a.w. ialah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daud daripada Anas r.a. yang berkata:<sup>136</sup>

لما قدم النبي صلى الله عليه وسلم المدينة لعبت الحبشة فرحاً بذلك لعبوا بحرابهم

Maksudnya: Ketika Rasulullah datang ke Madinah, orang-orang Habsyah (Ethiopia) menari dengan gembira menyambut kedatangan Baginda sambil memainkan senjata mereka.

Selepas zaman Rasulullah s.a.w. khususnya di zaman Daulah Abbasiyyah, seni tari telah berkembang dengan pesatnya di bawah naungan para penguasa. Kehidupan mewah yang dicapai oleh kaum muslimin pada waktu itu telah menjadikan seni hiburan sebagai satu keharusan dalam masyarakat.

Seni tari telah mendapat tempat yang istimewa di tengah-tengah masyarakat sama ada di istana-istana ataupun di tempat-tempat yang terbuka. Walaupun begitu para penari hanya dihadkan kepada golongan hamba wanita yang tertentu sahaja. Hanya segelintir penari sahaja dari kaum lelaki seperti tarian yang dipersembahkan oleh Ibrahim al-Maushili.<sup>137</sup>

<sup>136</sup> Imam Al-Hafiz Abi Daud Sulaiman Ibn Al-Ast As-Sajastani Al-Azdi (1988), *Sunan Abi Daud*, jilid IV, Dar Al-Hadis, Qaherah, , hadis no. 4923, hal. 283

<sup>137</sup> Abdul Rahman Al-Baghdadi, op. cit. hal. 89

Pada permulaan Islam, tidak berlaku percampuran dan pergaulan dalam seni tari di antara golongan lelaki dengan golongan perempuan. Penggabungan di dalam persembahan tarian yang dilakukan oleh mereka merupakan satu perkara yang tidak pernah dilakukan oleh mana-mana pihak pada waktu itu. Tarian yang dilakukan pula terbatas kepada peraturan-peraturan yang tidak melanggar syariat agama.

### **iii- Pandangan Ulama' tentang seni Tari**

Pada satu ketika, Sayidatina Aisyah telah diizinkan oleh Rasulullah s.a.w. menyaksikan pesta tarian yang dilakukan oleh orang-orang Habsyah. Dengan itu Imam Al-Ghazali menyimpulkan berkenaan dengan hukum menari adalah dibolehkan oleh syara' pada hari-hari yang tertentu sahaja. Contohnya ialah ketika menyambut hari raya, pesta perkahwinan, lahirnya seseorang bayi serta waktu melakukan khitanan dan lain-lain lagi.

Dalil yang paling kuat menunjukkan bahawa dibolehkan tarian ialah hadis yang telah diriwayatkan oleh Imam Bukhari dan Imam Ahmad. Hadis tersebut menerangkan peristiwa orang-orang Habsyah yang menari di hadapan Rasulullah tanpa Rasulullah menghalangnya.

Walaupun begitu Imam Ibn Hajar Al-Asqalani menentang pengertian hadis yang memboleh dan membenarkan tarian. Beliau menjelaskan bahawa sekelompok ahli sufi telah menggunakan dalil tersebut untuk membolehkan tari-tarian dan

mendengar alat-alat muzik. Tetapi jumhur ulama telah menegur pendapat ini dalam hal perbezaan maksud dan tujuan. Mereka telah menjelaskan tujuan orang-orang Habsyah yang bermain-main dengan perisai dan tombak merupakan sebahagian daripada latihan yang biasa mereka lakukan untuk berperang. Oleh sebab itu, dalil tersebut tidak boleh dijadikan hujah untuk membolehkan tari-tarian untuk menghiburkan diri.<sup>138</sup>

Tentang pendapat yang dikemukakan oleh Imam Al-Ghazali berkenaan dengan ‘hajal’ ( berjinjit ) yang dilakukan oleh Saidina Ali, Ja’afar dan Zaid, ia merupakan gerak kaki yang dilakukan pada saat seseorang merasa gembira. Sedangkan tarian tidak sedemikian.<sup>139</sup>

#### iv- Hukum Tarian

Tarian merupakan salah satu kegiatan dan tingkah laku yang dilakukan oleh manusia untuk menghiburkan hati. Ia merupakan perbuatan yang biasa dilakukan oleh manusia secara alami ( fitri ) di dalam mencari kesenangan dan kebahagiaan. Syara’ tidak menghalang dan mengharamkan seseorang untuk menggerakkan badan, tangan, kaki, perut dan sebagainya. Tetapi pergerakan bagi anggota tersebut, perlulah pada batas-batas tertentu. Hukum asal bagi tarian adalah mubah ( harus ) selagi dalil-dali syara’ tidak menghalang tarian tersebut.

---

<sup>138</sup> Ibn Hajar Al-Asqalani (tt), *Fath al-Bari*, Dar Fikr, Maktabah Salafiah., jilid VI, hal. 553  
<sup>139</sup> Abdul Rahman Al-Baghdadi, op. cit. Hal. 91

Di dalam menentukan hukum tarian yang dilakukan oleh masyarakat Melayu tradisional ( berterusan sehingga sekarang ), penulis telah memberikan gambaran tentang seni tari yang diamalkan serta yang dibenarkan oleh Islam di dalam bab-bab yang terdahulu. Penulis berpendapat penerangan yang diberikan itu sebagai mencukupi untuk dijadikan panduan di dalam penetapan hukum yang dilakukan.

Setelah meneliti dan menganalisis tarian yang terdapat di kalangan masyarakat Melayu tradisional, pemisahan bahagian di dalam kesenian yang diamalkan perlu dilakukan untuk menetapkan hukum. Ini kerana hukum bagi sesuatu kesenian tarian yang diamalkan itu adalah berbeza-beza di antara satu sama lain.

Bagi seni tari yang terdapat dalam kesenian ‘Tarian Pulai’, setelah dianalisis secara mendalam, penulis mendapati hukum tarian yang dilakukan itu pada asalnya adalah mubah ( harus ). Hal ini disandarkan kepada beberapa sebab yang terdapat dalam tarian tersebut. Sebab yang pertama ialah tarian yang dilakukan itu disertai oleh kaum wanita sahaja. Di dalam tarian yang dipersembahkan itu, kaum lelaki tidak mengambil sebarang peranan dalam aktiviti yang dilakukan.

Manakala sebab yang kedua pula ialah pakaian yang dipakai oleh peserta yang mengambil bahagian adalah menutup aurat. Kebanyakan daripada mereka memakai pakaian tradisional. Di samping itu, umur bagi para peserta juga

menunjukkan bahawa mereka telah berkahwin dan dikategorikan ke dalam golongan dewasa.<sup>140</sup>

Tetapi hukum mubah ( harus ) pada asal tarian yang diamalkan itu telah menjadi haram oleh kerana beberapa sebab. Sebab yang pertama ialah kerana tujuan diadakan tarian itu. Ini kerana selain daripada tujuannya untuk mengeratkan silaturrahim antara penduduk kampung, ia juga merupakan sebagai satu upacara pemujaan kepada semangat padi. Adalah dimaklumi bahawa perbuatan memuja semangat, merupakan satu perbuatan yang mensyirikkan Allah. Ini disebabkan oleh kepercayaan bahawa terdapat kuasa lain yang boleh memberi pertolongan dan berkuasa selain daripada Allah.

Sebab yang kedua menjadikan tarian pulai itu haram ialah aktiviti tarian yang diadakan itu menjadikan para peserta dan penonton lalai dan lupa kepada syariat agama. Contohnya ialah mendirikan sembahyang. Penulis membuat andaian tentang perkara ini setelah melihat kepada aktiviti tarian yang dilakukan bermula sebelum masuknya waktu sembahyang asar dan berakhir menjelang waktu maghrib. Dengan itu, ia membawa kemungkinan kepada perbuatan meninggalkan sembahyang Asar.

Sebab yang ketiga pula ialah di dalam tarian yang diadakan itu terdapat perbuatan membuang bahan-bahan yang digantung pada pohon pulai (ancak) ke dalam sungai. Perbuatan yang dilakukan itu selain daripada membazir, ia juga

---

<sup>140</sup> Di dalam kajian yang dilakukan ini, penulis mendapati golongan wanita pada zaman dahulu berkahwin pada awal usia sekitar 16 hingga 20 tahun.

menyebabkan tergelincirnya akidah mereka yang terlibat dengan upacara tersebut. Ini kerana melalui ancak yang dibuang ke dalam sungai itu, mereka percaya ia sebagai satu pengorbanan dan bahan-bahan sajian kepada semangat dan kuasa ghaib yang mengawal aktiviti pertanian yang diadakan. Perbuatan tersebut jelas bertentangan dengan Islam yang menyuruh umatnya yakin tidak ada sesuatu pun yang berkuasa memberi bekas dan kesan kecuali dengan kehendak Allah s.w.t.

Sebab seterusnya yang menjadikan seni tari di dalam tarian pulai itu haram ialah maksiat yang mungkin akan berlaku semasa dan selepas daripada kesenian tersebut dijalankan. Para penonton yang menyaksikan upacara yang diadakan itu terdiri daripada kaum lelaki dan perempuan yang meliputi kaum tua dan muda. Bagi golongan muda melalui upacara yang diadakan itu, ia merupakan masa untuk melihat dan meninjau pasangan untuk dijadikan teman hidup. Namun begitu, sering kali terjadi perkara-perkara yang melanggar batas-batas agama seperti berlakunya fitnah dan perzinaan. Ekoran itu, timbulnya kekacauan dan masyarakat akan menjadi porak-peranda.

Walaupun terdapat kebaikan di dalam tarian pulai yang diadakan itu, namun ia hanyalah sedikit berbanding dengan kesan yang buruk. Di antara kesan baik yang akan diperolehi ialah masyarakat sekitar akan bersatu padu. Di samping itu semangat bermuafakat serta tolong menolong akan dapat diterapkan di antara anggota masyarakat.

Manakala tarian yang terdapat dalam kesenian ulit mayang pula, penetapan hukum ke atasnya adalah berdasarkan kepada beberapa sudut. Sudut yang pertama ialah, para peserta yang menyertai tarian yang diadakan itu walaupun terdiri daripada kalangan wanita, namun pakaian yang dipakai oleh mereka jelas tidak memenuhi tuntutan agama iaitu tidak menutup aurat. Mereka hanya memakai selendang yang hanya diletakkan di atas bahu.

Sudut yang kedua di dalam membuat penetapan hukum terhadap tarian di dalam kesenian ulit mayang ialah dari segi tujuan diadakan tarian itu. Penulis mendapati, tujuan yang utama diadakan tarian ulit mayang itu ialah untuk mengubati pesakit. Para penari yang mengambil bahagian dalam upacara yang diadakan itu digambarkan sebagai puteri bertujuh yang datang dari alam yang lain. Setelah mereka sampai ke tempat pengubatan dilakukan, mereka akan mengubati pesakit dengan kebolehan yang dimiliki. Manakala tarian hanya dilakukan ketika mereka datang dan pergi. Kesannya akan membuatkan penonton menaruh kepercayaan kepada kuasa yang lain dapat membantu dan memberi pertolongan jika terdapat sesuatu masalah. Ekoran itu, keyakinan mereka kepada Allah s.w.t. akan berkurang.

Sudut yang ketiga pula ialah pergaulan yang mungkin terjadi di antara para penonton lelaki dan perempuan. Upacara yang diadakan pada waktu malam turut menyumbang kepada berlakunya fitnah dan perkara-perkara yang mendorong kepada berlakunya perzinaan. Dengan sebab itu, kesan buruk daripada upacara yang diadakan adalah lebih banyak berbanding dengan kesan yang baik.

Daripada sebab-sebab yang dikemukakan itu, penulis membuat kesimpulan bahawa hukum bagi tarian di dalam kesenian ulit mayang adalah haram. Proses penetapan hukum yang dilakukan itu adalah berdasarkan kepada tujuan diadakan tarian tersebut yang jelas bertentangan dengan Islam dan mendorong kepada berlakunya maksiat.

#### **4.5.2 Hukum Nyanyian ( lagu )**

##### **i- Pendahuluan**

Nyanyian pada asalnya ialah untuk menghiburkan hati. Selain itu ia juga bertindak sebagai medan meluahkan perasaan supaya para pendengar bersama-sama berkongsi apa yang didendangkan itu. Boleh dikatakan hampir setiap bangsa mempunyai seni nyanyiannya yang tersendiri. Namun ia menjadi persoalan apabila industri hiburan yang berkait dengan nyanyian telah banyak diresapi oleh pengaruh-pengaruh luar daripada Islam.

Selain daripada itu, kebenaran menyanyi di dalam Islam telah disalah guna apabila ia melibatkan perkara-perkara yang haram. Tujuan asal bagi nyanyian yang murni telah diselewengkan dengan mengundang perkara-perkara yang menjurus kepada maksiat. Contohnya ialah nyanyian yang dilakukan oleh seseorang wanita yang menyentuh persoalan kehidupan. Walaupun pada asalnya tujuan dinyanyikan lagu tersebut supaya para pendengar mengambil pengiktiran daripada luahan

perasaan itu, namun ia boleh membawa kepada maksiat apabila pesta nyanyian yang diadakan itu melibatkan pergaulan antara lelaki dengan perempuan yang bukan mahram.

## ii- Nyanyian dalam Sejarah Islam

Mengalunkan suara dalam bentuk yang menarik dan enak didengar merupakan satu bentuk keindahan yang dituntut di dalam Islam terutamanya di dalam mengalunkan bacaan ayat al-Quran dan melaungkan seruan azan. Hakikat ini boleh dilihat daripada suruhan Nabi s.a.w. dalam banyak hadis supaya memperindahkan bacaan al-Quran.<sup>141</sup>

Manakala di dalam melaungkan azan pula, baginda telah memerintah sahabatnya Bilal bin Rabah r.a. menyempurnakannya kerana beliau mempunyai suara yang menarik. Mendengar suara azan yang indah dan menarik akan menggetarkan perasaan serta mengingatkan kepada sembahyang merupakan warisan yang diperolehi sejak dari masa kenabian.

Ketika Rasulullah berhijrah dari kota Mekah ke Madinah, baginda telah disambut dengan suasana yang meriah disertai dengan nyanyian oleh penduduk yang menyambut kedatangan baginda. Golongan Anshar telah sama-sama menyanyi lagu

<sup>141</sup> Dr. Yusuf Al-Qardawi (1995), *Al-Islam wal Fann (Islam dan Seni)* terj. Drs Hadi Mulyo, Pustaka Kautsar, hal. 73

yang merupakan ucapan selamat datang ke atas Rasul yang mulia. Terjemahan lagu yang dinyanyikan adalah seperti berikut:<sup>142</sup>

“Telah terbit bulan purnama di atas kita,  
dari sebaik-baik ucapan selamat.

Kita wajib berterima kasih,  
Dengan permohonan yang dipanjatkan pemohon kepada Allah”.

Pada zaman dahulu, kaum muslimin telah mencipta berbagai keindahan seni suara bagi hiburan. Keadaan ini banyak berlaku di desa-desa. Di antaranya termasuklah seni “Al-Mawwal” yang dinyanyikan untuk menghiburkan hati. Kadangkala mereka berkumpul bersama-sama mendengar lagu yang dinyanyikan itu. Kandungan nyanyian mereka biasanya menyentuh masalah cinta, kezaliman manusia, kezaliman zaman dan lain-lain lagi.

Nyanyian tradisional kaum muslimin juga turut menyentuh tentang cerita bernazham semangat kepahlawanan yang dimiliki oleh bangsa. Sambil bersuka ria, mereka menyanyi secara beramai-ramai dengan tujuan membangkitkan semangat supaya berjuang dan memiliki keberanian sebagaimana yang mereka nyanyikan. Nyanyian-nyanyian yang lain pula dinyanyikan pada hari-hari kegembiraan seperti hari raya, pesta perkahwinan, hari kelahiran, khitanan, menyambut tetamu dan lain-lain lagi.

---

142 Ibid. hal. 74

Di dalam melakukan kerja-kerja yang berat juga, nyanyian berfungsi sebagai menaikkan semangat pekerja supaya bekerja dengan lebih tekun. Contohnya ialah nyanyian yang dinyanyikan oleh para sahabat r.a.m. ketika menyiapkan masjid Nabi. Sambil mengangkat batu-batu yang berat mereka dengan bersemangat melaungkan kata-kata yang bermaksud:<sup>143</sup>

“Ya Allah! Sesungguhnya kehidupan hanyalah kehidupan di akhirat,  
maka ampunilah kaum Anshar dan kaum Muhajirin.”

Demikianlah sejarah awal kesenian hiburan yang terdapat di kalangan kaum muslimin. Kesenian yang mereka amalkan adalah mencangkupi urusan yang terdapat di dalam agama dan juga urusan keduniaan. Pada masa itu tidak terdapat pertentangan di antara nyanyian yang mereka nyanyikan dengan batas-batas agama. Ini kerana tidak terdapat sebarang unsur yang boleh menjadikan nyanyian yang dinyanyikan itu mendorong kepada berlakunya maksiat. Malahan ajaran yang terdapat di dalam agama telah dijadikan bahan nyanyian seperti berselawat ke atas nabi, membaca doa' dan lain-lain lagi.

Setelah beberapa lama, berbagai pengaruh telah masuk dan mewarnai kesenian hiburan yang terdapat di kalangan kaum muslimin. Dengan itu kesenian yang diamalkan pada peringkat awal telah dieemari oleh berbagai-bagai unsur yang

---

<sup>143</sup> Ibid. Hal. 76

cuba menghancurkan Islam melalui nyanyian dan kesenian yang lain. Akibatnya ramai di kalangan umat Islam yang telah terpedaya dengan apa yang didakwa sebagai kesenian Islam.

### iii- Pendapat Ulama' tentang Nyanyian ( lagu )

Nyanyian yang bersifat vokal ( suara manusia tanpa irungan muzik ) tidak diperselisih oleh para ulama' tentang hukumnya. Mereka berpendapat bahawa ia adalah halal dan dibolehkan. Hal ini telah dinyatakan oleh Imam As-Syaukani yang menghimpun pendapat para ulama' di dalam kitabnya seperti berikut:<sup>144</sup>

"Al-Adhfawi di dalam kitabnya Al-Imta' menjelaskan bahawa Imam Al-Ghazali dalam berbagai karangan kitab fekahnya, menegaskan kesepakatan ulama' tentang halalnya nyanyian jenis itu ( Nyanyian tanpa irungan alat muzik ). Hal yang sama turut dipersetujui oleh Ibn Tahir yang berpendapat ada ijma' sahabat dan tabi'en tentang halalnya nyanyian jenis tersebut. At-Taj Al-Fazari dan Ibn Qutaibah menjelaskan terdapat ijma' penduduk Mekah dan Madinah mengenai perkara itu. Begitu juga dengan Imam Al-Mawardi yang mengatakan penduduk Hijaz sejak dulu sehingga sekarang ( abad 5 hijrah ) membolehkan nyanyian jenis itu pada hari-hari yang mulia dalam setahun."

Walaupun begitu beberapa syarat mesti terdapat di dalam sesebuah nyanyian sebelum ianya tergolong ke dalam nyanyian yang halal. Syarat yang pertama ialah nyanyian tersebut hendaklah sesuai dengan kehendak Islam dan selaras dengan ajaran-ajarannya. Sebaliknya jika lagu yang dinyanyikan itu mengandungi kata-kata

---

<sup>144</sup> Imam As-Syaukani, op. cit. Jilid VIII, hal. 114-115

yang boleh menimbulkan kesan yang buruk dan keraguan kepada ajaran Islam, ia adalah diharamkan.

Syarat yang kedua pula ialah cara penyampaian sesebuah lagu oleh para penyanyi. Gaya persembahan nyanyian yang disampaikan juga mestilah berada pada batas-batas yang dibenarkan. Nyanyian dengan suara yang boleh membangkitkan nafsu serta mendatangkan kelalaian kepada para pendengar akan mengubah hukum lagu yang dinyanyikan daripada halal menjadi haram.

Seterusnya syarat yang ketiga pula ialah sesebuah lagu atau nyanyian itu hendaklah bersih dan terhindar daripada perbuatan-perbuatan yang haram. Contohnya ialah pergaulan yang bebas antara lelaki dan perempuan pada pesta nyanyian yang diadakan itu. Masalah inilah yang sering terjadi di majlis-majlis nyanyian yang diadakan sehingga pesta nyanyian yang diadakan itu menjurus kepada pesta maksiat.

Manakala syarat yang keempat pula ialah lagu atau nyanyian itu hendaklah berpada-pada dan tidak secara berlebihan. Contohnya ialah nyanyian berunsur sentimental dan masalah cinta yang kadangkala dinyanyikan secara keterlaluan. Keadaan ini menjadikan pendengar terutamanya golongan muda-mudi, hanyut dibuai oleh khayalan dan perasaan. Pada masa itu mereka tidak lagi mengambil berat tentang urusan agama, sebaliknya tujuan hidup mereka lebih kepada keseronokan.<sup>145</sup>

---

<sup>145</sup> Dr. Yusuf Al-Qardawi, op. cit. Hal. 71

#### **iv- Hukum nyanyian dan lagu**

Nyanyian yang terdapat di dalam kesenian yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional khususnya di Terengganu mempunyai nilai-nilai yang mendalam. Di samping itu, seni kata lagu yang dinyanyikan juga menunjukkan terdapatnya pengaruh yang bercampur-campur menjiwai lagu-lagu yang dinyanyikan itu.

Lagu yang dinyanyikan dalam sesebuah upacara tarian pulai tidak ditentukan berapakah bilangannya. Tetapi pada kebiasaannya lima hingga tujuh buah lagu akan dinyanyikan pada setiap kali persembahan diadakan. Lagu-lagu itu tidak ditetapkan seni katanya. Ini menyebabkan seringkali berlakunya penambahan dan pengurangan seni kata mengikut kemampuan para penyanyi yang menyanyikan lagu-lagu itu.

Di dalam menetapkan hukum nyanyian yang terdapat di kalangan masyarakat Melayu tradisional, penulis telah membuat kajian terhadap lagu-lagu yang dinyanyikan itu berdasarkan kepada cerita<sup>146</sup> yang didengar oleh penulis dan buku kesenian mengenai tarian pulai yang dikeluarkan oleh Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.<sup>147</sup>

Lagu-lagu yang dinyanyikan di dalam kesenian tarian pulai mempunyai rentak yang sama antara sesebuah lagu dengan lagu yang lain. Sebutan bagi perkataan

<sup>146</sup> Temubual dengan J.M. Aziz pada 23 Mei 2000 di rumahnya di Kg. Seberang Takir. Beliau merupakan seorang penyair dan seniman yang popular di Negeri Terengganu.

<sup>147</sup> Tarian Pulai (1983), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan Malaysia, cet. 1,

yang terdapat di dalam sesebuah lagu itu mengikut dialek ( loghat) setempat lagu itu dinyanyikan. Dengan itu terdapat perbeaan sebutan perkataan antara sesebuah tempat dengan tempat yang lain tarian pulai itu diadakan.

Setelah menganalisa lagu-lagu dalam tarian pulai, penulis mendapati tidak terdapat sebarang pertentangan seni kata lagu yang dinyanyikan itu dengan ajaran Islam. Oleh yang demikian, hukum bagi lagu yang dinyanyikan itu pada asalnya adalah mubah ( harus ). Penulis berpendapat demikian adalah berdasarkan kepada beberapa sebab.

Sebab yang pertama ialah lagu-lagu yang dinyanyikan itu lebih kepada menceritakan persoalan semasa. Contohnya ialah tentang masalah berburu dan menangkap binatang. Seni kata yang diucapkan adalah jelas dan tidak membawa kepada persoalan-persoalan yang boleh menimbulkan kekeliruan di dalam agama.

Sebab yang kedua pula ialah lagu-lagu yang dinyanyikan itu, terhindar daripada sebarang kata-kata yang boleh membawa kepada mensyirikkan Allah dengan sesuatu yang lain. Tetapi seni kata dalam lagu yang dinyanyikan itu hanya menyentuh kehidupan seharian mereka. Di samping itu juga, sesebuah lagu akan dinyanyikan secara beramai-ramai di dalam persembahan yang diadakan itu. Nyanyian secara beramai-ramai pada kebiasaannya tidak mementingkan kepada suara yang merdu tetapi ia lebih kepada persamaan di dalam sebutan seni katanya.

Walaubagaimanapun hukum lagu dan nyanyian yang terdapat di dalam kesenian tarian pulai yang harus pada awalnya untuk berhibur akan menjadi haram apabila ia dikaitkan dengan beberapa perkara. Perkara yang pertama ialah tujuan sesebuah lagu itu dinyanyikan. Penulis mendapati, tujuan utama lagu dan nyanyian itu diadakan ialah untuk memuja semangat padi. Dengan yang demikian, apabila ia melibatkan perkara yang haram di dalam sesuatu amalan yang dilakukan, hukum mubah (harus) pada mulanya akan bertukar menjadi haram.

Hukum nyanyian dalam tarian pulai itu tetap haram walaupun ia di selang-seli dengan ucapan salawat ke atas Nabi Muhammad s.a.w. Hukum ini adalah bersandarkan kepada kaedah yang telah dinyatakan dalam tajuk yang lepas.

Sementara itu nyanyian yang terdapat dalam kesenian ulit mayang pula, penulis mendapati hukumnya adalah haram. Ini kerana nyanyian yang dinyanyikan oleh bomoh atau pawang yang mengubati pesakit merupakan sejenis jampi mantera sebagai pemujaan terhadap semangat puteri bertujuh. Jampi yang digunakan itu merupakan pengaruh daripada animisme dan Hindu-Buddha yang masih diamalkan walaupun Islam telah masuk ke dalam alam Melayu.

Di antara seni kata yang terdapat di dalam lagu ulit mayang yang berunsurkan kepada pemujaan terhadap puteri bertujuh ialah di akhir rangkap yang pertama iaitu ‘ulit dengan puterinya satu’. Walaupun ramai yang tidak menyedarinya, namun seni kata lagu tersebut merupakan kata-kata yang berunsurkan kepada pemujaan kepada sang puteri yang dianggap mampu dan berkuasa untuk menyembuhkan penyakit.

Kepercayaan kepada kuasa jahat yang memasuki pesakit dalam upacara kesenian ulit mayang juga terkandung dalam rangkap ‘yang darat naik ke darat’ dan ‘yang laut balik ke laut’. Kesan daripada lagu yang dinyanyikan itu bukan sahaja akan mempengaruhi pesakit di dalam mempercayai sesuatu yang khurafat, tetapi ia juga turut mempengaruhi orang ramai yang menyaksikannya.

Kesan buruk yang lain pula ialah, ulit mayang juga boleh menyebabkan penonton tidak sedarkan diri ( hysteria ) dan asyik dengan lagu-lagu yang dinyanyikan itu. Kesannya yang mendalam akan dirasai oleh sesiapa yang mempunyai semangat yang lemah. Orang ramai akan terpukau dengan nyanyian dan cara pengubatan yang dilakukan oleh bomoh. Dengan sebab itu melalui lagu ulit mayang, didapati kesan-kesan buruk kepada orang ramai lebih banyak berbanding dengan kesan yang baik.

Manakala lagu-lagu dan nyanyian yang terdapat di dalam kesenian nobat, ianya tidak dapat dipastikan kedudukannya sama ada halal ataupun haram. Ini disebabkan oleh lagu-lagu yang dinyanyikan itu hanya terdapat pada masa permulaan nobat diperkenalkan di alam Melayu. Terdapat 13 buah lagu utama dalam kesenian tradisional nobat. Namun ia telah mengalami perubahan apabila seni katanya telah dibuang dan hanya dimainkan dalam bentuk muzik.<sup>148</sup>

---

<sup>148</sup> Temubual dengan J.M. Aziz

Di dalam kajian yang dilakukan, penulis tidak mendapati sebarang dokumen yang boleh dijadikan asas dalam menentukan hukum nyanyian yang terdapat dalam kesenian nobat. Walaupun begitu hanya sebilangan buku sahaja yang memuatkan kenyataan bahawa terdapat lagu yang dinyanyikan dalam kesenian nobat. Lagu-lagu tersebut dipanggil sebagai ‘Man’ yang dipercayai merupakan singkatan daripada perkataan Sanskrit/Champa iaitu ‘mantra’. Ia bermaksud sebagai ‘kata-kata atau ayat-ayat yang apabila diucapkan dapat menimbulkan kuasa kudus atau ghaib’.<sup>149</sup>

---

<sup>149</sup> Skeat Walter, William, op. cit. Hal. 98

#### **4.5.3 Muzik / Alat Muzik**

##### **i- Pendahuluan**

3

Menyentuh mengenai alat-alat muzik, ia merupakan alatan yang menghasilkan paduan irama yang mengiringi sesebuah lagu. Alatan muzik telah wujud sejak sekian lama dan dianggarkan lebih awal daripada lagu atau nyanyian. Dengan terciptanya alat muzik, sesebuah lagu yang dinyanyikan semakin menarik untuk didengar.

Di dalam menghasilkan bunyi-bunyian yang menarik, berbagai-bagai alat muzik telah direka cipta. Penghasilan alatan muzik pada peringkat awal telah mencetuskan kepada penemuan-penemuan alatan muzik yang ada pada hari ini. Masyarakat tradisional telah mengenali alat muzik sejak sekian lama. Peralatan muzik yang mereka gunakan dalam mengiringi sesebuah lagu dibuat berdasarkan kepada hasil cipta yang kreatif.

### **iii- Pendapat Ulama' tentang Alat-alat Muzik**

Di dalam membincangkan alat-alat muzik yang dibolehkan untuk menggunakannya, para 'ulama' telah bersetuju membenarkan beberapa alat muzik digunakan untuk mengiringi nyanyian. Dalil Qias boleh digunakan kepada alat-alat muzik yang ada pada masa sekarang untuk menentukan sama ada ia boleh digunakan ataupun tidak.

Alatan muzik yang digunakan dari satu masa ke satu masa yang lain sering bertambah dengan adanya penciptaan yang baru. Di samping itu, nama-nama yang baru telah digunakan pada alat-alat muzik yang baru dicipta itu. Ini menyebabkan hukum halal atau haram yang telah ditetapkan ke atas satu-satu alat muzik perlu dinilai semula mengikut kesan yang ditimbulkan oleh alat tersebut.

Di antara alat muzik yang diharamkan oleh syara' daripada menggunakannya ialah alat berdawai yang boleh dipetik ( gitar ) dan seruling. Pengharaman alatan tersebut daripada digunakan adalah disepakati oleh para ulama'. Selain daripada itu, diharamkan juga memukul kubah iaitu sejenis gendang panjang yang kecil bahagian tengahnya dan luas bahagian tepinya.<sup>152</sup>

---

<sup>152</sup> Imam Al-Ghazali (1999), *Adab Mendengar Irama dan Lagu*, terjemahan oleh Darul Nu'man, Pustaka Nu'man, cet. 1, hal. 15

Manakala antara alatan muzik yang boleh digunakan pula ialah alat yang digunakan oleh tukang gembala ( serunai ), alat-alat permainan jemaah haji, gendang kayu ( kompong ) dan alat-alat yang mengeluarkan suara yang merdu selain yang biasa digunakan dalam pesta meminum arak.<sup>153</sup>

3

#### **iv- Hukum Alat-alat Muzik Tradisional**

Peralatan muzik yang terdapat di kalangan masyarakat Melayu tradisional semakin dilupakan kini. Namun begitu di dalam beberapa kesenian yang diamalkan, peralatan muzik tradisional masih lagi digunakan di dalam mengiringi kesenian tersebut. Penggunaan alat-alat muzik itu masih lagi dipersoalkan sama ada ia halal digunakan ataupun tidak.

Penulis telah membincangkan secara ringkas alat-alat muzik yang digunakan oleh masyarakat Melayu tradisional dalam bab yang ketiga. Setelah membandingkan alatan muzik yang digunakan itu dengan alatan muzik yang dibenarkan dalam Islam, penulis mendapati hukum asal menggunakannya adalah mubah ( harus ). Hukum ini adalah meliputi peralatan muzik yang digunakan dalam upacara kesenian tarian pulai dan ulit mayang.

Walaubagaimanapun hukum mubah ( harus ) menggunakan alatan muzik itu akan menjadi haram apabila ia menjadi pendorong kepada berlakunya beberapa

---

<sup>153</sup> Ibid. Hal. 19

perkara. Perkara yang pertama ialah apabila alatan muzik yang digunakan itu akan mendorong para pendengar muzik yang telah didendangkan itu melakukan perkara-perkara maksiat yang dilarang oleh agama. Contohnya ialah menjadikan para pendengar tertarik kepada perzinaan dan meminum arak.

3

Perkara yang kedua ialah apabila alatan muzik yang digunakan itu mempunyai persamaan dengan alatan muzik yang digunakan oleh golongan fasik. Ini kerana umat Islam dilarang mengikut dan mengamalkan budaya yang diamalkan oleh golongan yang engkarkan Islam. Larangan tersebut bertujuan supaya umat Islam mempunyai identiti yang tersendiri dalam segala bidang kehidupan.

Manakala hukum bagi peralatan yang digunakan dalam kesenian tradisional nobat pula pada asalnya adalah mubah ( harus ). Ia akan bertukar menjadi haram apabila melibatkan beberapa perkara. Perkara yang pertama ialah apabila bunyian yang dihasilkan daripada alatan nobat itu disalah ertikan dengan pelbagai tafsiran yang boleh merosakkan akidah. Contohnya ialah bunyian gendang nehara yang dikaitkan dengan kemungkinan berlakunya bencana kepada negara.

Perkara yang kedua menjadikan alatan muzik nobat itu diharamkan ialah apabila peralatan muzik nobat itu dianggap mempunyai kuasa ajaib disamping kepercayaan kepada proses pembuatan alatan nobat terutamanya gendang yang dibuat daripada kulit perut perempuan mengandung. Melalui kuasa ajaib itu, rakyat yang tidak menghormati peralatan muzik nobat akan ditimpa kesusahan dalam kehidupan. Justeru itu, keyakinan mereka kepada Allah s.w.t akan berkurangan.

Seterusnya perkara yang ketiga ialah kepercayaan bahawa terdapat kuasa atau semangat yang menunggu peralatan muzik nobat yang mana ia harus dipulihkan dengan istiadat yang tertentu sekali dalam setiap tahun. Tujuannya ialah supaya semangat ( penunggu ) yang menjaga peralatan nobat, sentiasa melindungi pemerintah daripada segala ancaman. Pawang diraja yang ditugas melaksanakan istiadat tersebut bertanggungjawab memulihkan semangat peralatan nobat.

Perkara-perkara yang telah dinyatakan itu merupakan antara perkara khurafat yang menjadikan hukum mubah ( harus ) persembahan muzik nobat pada asalnya menjadi haram. Ini disebabkan oleh kesannya kepada aqidah dan kehidupan umat Islam yang akan sentiasa terikat dengan kepercayaan kepada perkara khurafat yang akhirnya menyebabkan mereka lupa tentang kebesaran Allah s.w.t. Sebaliknya jika kesenian yang diamalkan itu bersih daripada segala unsur yang dinyatakan itu, hukum haram menggunakan akan berubah menjadi halal.

Penulis telah berpeluang menemu bual Tuan Haji Suhaimi<sup>154</sup> tentang kesenian yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional. Beliau berpendapat, kesenian yang diamalkan itu wajar diteruskan tetapi ia memerlukan kepada proses penyaringan untuk memastikan segala apa yang diamalkan itu tidak bertentangan dengan Islam. Contoh yang dikemukakan oleh beliau ialah permainan nobat yang dianggap sebagai satu simbol mengukuhkan kuasa raja. Menurut beliau, institusi pemerintahan tidak

<sup>154</sup> Tuan Hj. Suhaimi bin Mohamad merupakan Imam Satu, Masjid Kolej Agama Sultan Zainal Abidin ( KUSZA ), Kuala Terengganu, Terengganu, temubual pada 20 September 2000

memerlukan kepada sesuatu bahan untuk mengukuhkan kedudukan mereka dalam pemerintahan. Sebaliknya mereka hanya perlu mengamalkan sikap yang telah ditentukan seperti mana yang telah dijelaskan di dalam Al-Quran dan Al-Hadis dalam urusan pentadbiran yang dikendalikan.

3

#### **4.6 Kesimpulan**

Kesenian yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional khususnya di Terengganu, mengandungi pelbagai unsur dan pengaruh yang telah dijalin erat sehingga membentuk sebuah kesenian yang tersendiri. Dengan itu lahirlah pelbagai bentuk kesenian yang merupakan gambaran kehidupan masyarakat pada waktu itu.

Terdapat pelbagai jenis kesenian hiburan yang diamalkan oleh masyarakat pada waktu itu. Tarian pulai, ulit mayang dan nobat adalah antara bentuk kesenian yang terkenal dan sering kali gunakan untuk upacara-upacara yang berbentuk kepercayaan. Pada masa inilah terdapat banyak unsur-unsur yang menyeleweng daripada apa yang dikehendaki oleh Islam berlaku di kalangan mereka yang mengamalkannya.

Hukum asal bagi kesenian yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional di Terengganu itu pada asalnya adalah harus ( mubah ). Walaubagaimanapun setelah ianya bercampur aduk dengan pelbagai perkara yang telah dijelaskan, hukumnya telah berubah menjadi haram.

#### **4.6 Kesimpulan**

Kesenian yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional khususnya di Terengganu, mengandungi pelbagai unsur dan pengaruh yang telah dijalin erat sehingga membentuk sebuah kesenian yang tersendiri. Dengan itu lahirlah pelbagai bentuk kesenian yang merupakan gambaran kehidupan masyarakat pada waktu itu.

Terdapat pelbagai jenis kesenian hiburan yang diamalkan oleh masyarakat pada waktu itu. Tarian pulai, ulit mayang dan nobat adalah antara bentuk kesenian yang terkenal dan sering kali gunakan untuk upacara-upacara yang berbentuk kepercayaan. Pada masa inilah terdapat banyak unsur-unsur yang menyeleweng daripada apa yang dikehendaki oleh Islam berlaku di kalangan mereka yang mengamalkannya.

Hukum asal bagi kesenian yang diamalkan oleh masyarakat Melayu tradisional di Terengganu itu pada asalnya adalah harus ( mubah ). Walaubagaimanapun setelah ianya bercampur aduk dengan pelbagai perkara yang telah dijelaskan, hukumnya telah berubah menjadi haram.